

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 11 JUN 2015

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab mengapa pelaksanaan gaji minima masih belum dilaksanakan untuk tahun 2015.

PR-1332-L68702

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perintah Gaji Minimum 2012 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggajikan 6 orang pekerja atau lebih; dan 1 Julai 2013 bagi majikan yang menggajikan 5 orang pekerja atau kurang.

2. Status terkini pelaksanaan gaji minimum adalah, Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Kajian yang dilaksanakan oleh pihak JTPGN telah mengambilkira peningkatan kos sara hidup rakyat.

3. Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia sedang membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan.